



PENJEJAKAN MANUSKRIP KITAB SAYR AL-SALIKIN DAN VERSI PERCETAKANNYA DI MALAYSIA

[THE TRACING OF SAYR AL-SALIKIN'S MANUSCRIPT AND ITS PRINTED VERSION IN MALAYSIA]

NUR AFIQAH MOHAMMED ALAM¹ & ENGKU IBRAHIM ENGKU WOK ZIN²

^{1*} Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA. E-mail: fieqahalam@gmail.com

² Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE), Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA. E-mail: ibrahim@unisza.edu.my

Received: 19 April 2021

Accepted: 20 May 2021

Published: 30 June 2021

Abstrak: *Sayr al-Salikin* merupakan sebuah karya agung yang dihasilkan oleh shaykh ‘Abd al-Samad al-Falimbani, seorang sarjana Islam yang terkenal di Nusantara pada abad ke 18. Manuskrip *Sayr al-Salikin* telah disimpan dan dijaga dengan baik oleh beberapa institusi di dalam dan luar negara. Seiring dengan peredaran masa, mesin cetak telah menghasilkan percetakan yang maju dan luas. Keadaan ini merupakan satu perkembangan yang baik untuk masyarakat hari ini. Walaupun begitu, orang ramai masih tidak mengetahui tentang keberadaan, jumlah yang sebenar naskhah-naskhah dan cetakan terkini *Sayr al-Salikin*. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menjelaki naskhah dan percetakan *Sayr al-Salikin* yang terdapat di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengumpulkan data berbentuk dokumen. Seterusnya, data-data yang diperolehi dianalisis secara diskriptif. Hasil mendapati bahawa naskhah awal *Sayr al-Salikin* telah dijaga dengan baik dan masih boleh diakses oleh para pengkaji di Perpustakaan Negara Malaysia. Naratif mengenainya juga terdapat di sana. Selain itu, percetakan *Sayr al-Salikin* juga turut diulang cetak dalam dua versi, ‘jawi’ dan ‘rumi’ serta salinannya masih tersedia sehingga kini. Kesimpulannya, kajian ini dapat memberikan maklumat yang jelas mengenai keberadaan naskhah serta percetakan terkini *Sayr al-Salikin*.

Kata Kunci: Manuskrip, Percetakan, *Sayr al-Salikin*.

Abstract: *Sayr al-Salikin* is a masterpiece produced by shaykh ‘Abd al-Samad al-Falimbani, a renowned Islamic scholar in the 18th Century in Archipelago. *Sayr al-Salikin*'s manuscript has been well preserved and cared for by several institutions in the country and abroad. Along with the passage of time, came the printing machine with resulted to printing to be advanced and vast. It is a very good development for today's society. Nevertheless, the public still have no knowledge of its existence, the actual number of its copies and its latest printing. Therefore, this study aims to trace the manuscripts and printing of *Sayr al-Salikin* found in Malaysia. This study used qualitative approach by collecting data in the form of documents. Next, the data obtained were analyze descriptively. The results of the study found that *Sayr al-Salikin*'s early manuscript has been well taken care of and is still accessible to researchers at National Library of Malaysia. Narratives about it also found there. In addition, *Sayr al-Salikin*'s printing was also reprinted in two writings, ‘jawi’ and ‘rumi’ and its copies are still available to this day. In conclusion, this study can give a clear information about the existence of the manuscript and also the latest printing of *Sayr al-Salikin*.

Keywords: manuscript, printing, *Sayr al-Salikin*.

Cite This Article:

Nur Afiqah Mohammed Alam & Engku Ibrahim Engku Wok Zin (2021). Penjejakan manuskrip Kitab *Sayr al-Salikin* dan versi percetakannya di Malaysia [The tracing of *Sayr al-Salikin*'s manuscript and its printed version in Malaysia]. *UFUQ International Journal of Arts and Social Science Research*, 1(3), 1-18.

PENGENALAN

Manuskrip Melayu ditakrifkan sebagai segala bentuk tulisan tangan menggunakan skrip Jawi dalam bahasa rumpun Melayu mengenai alam dan tamadun Melayu yang berusia sekurangkurangnya 100 tahun (Perpustakaan Negara Malaysia, 2014: 2). Ia merupakan warisan khazanah intelektual, pemikiran dan kebudayaan bangsa dan negara dari zaman silam (Katalog Pameran, 1990: vii; Awang Rosle Jumat, 2019: 294). Ia merupakan sebuah hasil penulisan atau kitab-kitab lama yang masih dalam bentuk tulisan tangan (Salmah Ahmad & Ezad Azraai Jamsari, 2014: 293), masih belum dicetak yang meliputi pelbagai bidang keilmuan (Mat Saad Abd Rahman, 1983), yang ditinggalkan oleh para ulama dan cendekiawan Islam silam (Salsabil Mohd Zain, 2012: 1; Mohammed Hussain Ahmad, 2019: 352).

Terdapat 16 buah negara yang dikenal pasti memiliki dan menyimpan manuskrip Melayu iaitu di Universiti Leiden, Belanda (memuatkan lebih 20,000 buah manuskrip Melayu), Rusia, Perancis, Jerman, United Kingdom, Amerika Syarikat, Sri Langka, Algeria dan Afrika Selatan (Awang Sariyan, 2019: 219), Brussels di Belgium dan Arab Saudi, Malaysia, Indonesia, Singapura, Thailand (Khususnya di bahagian Selatan) dan Brunei Darussalam (Mohammed Hussain Ahmad, 2019: 352). Jumlah keseluruhannya mencecah puluhan ribu (Awang Sariyan, 2019: 219). Ia merupakan sebuah karya yang bernilai tinggi dan telah dijadikan rujukan sehingga kini (Zakaria Mustaffa & Abdul Syukur Mohd. Ali, 2012: 4; Mahayudin Yahaya, 2019: 85).

Manuskrip adalah sumber primer secara langsung (Mohammed Hussain Ahmad, 2019: 353), selepas al-Quran dan Hadis (Mahayudin Yahaya, 2019: 74). Manuskrip Melayu dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dan maklumat kepada masyarakat (Awang Sariyan, 2019: 218). Di dalamnya sarat dengan pelbagai bidang ilmu pengetahuan, maklumat, pemikiran, penceritaan, huraian dan tafsiran yang berkaitan dengan segenap aspek kehidupan (Awang Sariyan, 2019: 219).

Tambahan pula, di dalamnya turut mengandungi ilmu yang membincangkan mengenai bangsa, budaya, sistem pemerintahan, perjuangan, perubatan, pendidikan, sosial masyarakatnya (Zakaria Mustaffa & Abdul Syukur Mohd. Ali, 2012: 4), sejarah silam, kesusasteraan, syair dan nazam, warkah dan risalah, perundangan, ketatanegaraan, petua, adat, perubatan tradisional, azimat, astronomi, kitab ramalan, sosio ekonomi dan pelbagai disiplin kitab agama yang secara lazimnya sukar untuk diperolehi dari sumber lain (Mohammed Hussain Ahmad, 2019: 352). Sehubungan dengan itu, bidang kajian tentang ilmu agama terutama akidah, feqah dan tasawuf dalam manuskrip Melayu-Jawi mendapat perhatian yang meluas kerana ia merupakan bidang asas dalam pengajian Melayu (Mahayudin Yahaya, 2019: 82 & 85).

Seterusnya, bagi penerbitan atau percetakan karya-karya Melayu-Jawi pula, pada awalnya berpusat di empat buah negara iaitu 1) Makkah, 2) Kaherah di Mesir, 3) Istanbul di

Turki dan 4) Bombay di India. Pada tahun 1884M, buku-buku dalam bahasa Melayu mula dicetak di Makkah dan kebiasaannya dikendalikan oleh tokoh ilmuan Nusantara sendiri seperti Shaykh Ahmad Muhammad Zain al-Fatani dan Zain al-Din al-Sambawi (Martin Van Bruinessen, 1990: 230; Hashim Musa, 2009: 15). Setelah itu, barulah lahir beberapa penerbitan di Alam Melayu (Martin Wan Bruinessen, 1995: 135-137).

Kegiatan penerbitan dan percetakan karya-karya Jawi dalam pelbagai bidang seperti akidah, feqah, tasawuf, hukum hakam, al-Quran, tafsir dan hadis menjadi semakin rancak. Hal ini kerana ia digunakan sebagai bahan pengajian di pondok, pesantren, madrasah, surau dan masjid dan menjadi sumber rujukan kepada masyarakat. Hal ini dapat dilihat pada karya *Sayr al-Salikin*.

Sayr al-Salikin merupakan sebuah karya Shaykh 'Abd al-Samad al-Falimbani yang agung dan terbesar di Alam Melayu (Suhaila Abdullah & Mohd Sukki Othman, 2011: 444). Dari segi kandungannya ia menyentuh ketiga-tiga rukun agama iaitu akidah, feqah dan tasawuf (al-Falimbani t.th: 3; Mohd Fauzi Hamat & Mohd Hasrul Shuhari, 2012: 39). Walaupun bagaimanapun, kandungannya lebih didominasi oleh ilmu tasawuf berbanding dengan ilmu-ilmu lain.

Jadi wajar dan bertepatan dengan judul yang diberikan oleh al-Falimbani iaitu “*Sayr al-Salikin ila 'Ibadah Rabb al-'Alamin*” iaitu boleh diterjemahkan sebagai “Perjalanan orang yang menuju kepada beribadat akan Tuhan sekalian Alam”. Judul ini dapat menjelaskan tentang perjalanan seseorang *Salik* untuk sampai kepada Allah SWT dan secara tidak langsung ia memperlihatkan perbincangan yang menyentuh ilmu tasawuf. Atas dasar inilah al-Falimbani namakan kitab ini sebagai *Sayr al-Salikin* (Megawati Moris, 2016: 97).

Di samping itu, kitab *Sayr al-Salikin* mempunyai kedudukan dan keistimewaan tersendiri iaitu kewibawaan al-Falimbani sebagai pengarang dan kedudukan dalam korpus ilmu tasawuf di Alam Melayu. Kewibawaan pengarang dapat dilihat pada dua perkara iaitu 1) ketelitian dan ketekunan beliau menghasilkan kitab *Sayr al-Salikin* yang memakan masa selama sepuluh tahun, 2) aktif dan berani melibatkan diri dalam masyarakat sebagai seorang pejuang. Hal ini dapat dilihat apabila beliau syahid sewaktu melawan musuh dalam peperangan menentang Siam.

Seterusnya, kedudukan *Sayr al-Salikin* dalam korpus ilmu tasawuf di Alam Melayu mempunyai enam keistimewaan iaitu 1) *Sayr al-Salikin* menyentuh ketiga-tiga perbahasan utama (akidah, feqah dan tasawuf). Walaupun begitu, kitab ini lebih banyak membincangkan perbahasan tasawuf berbanding akidah dan feqah. 2) penggunaan sumber yang muktabar (alQuran, hadis, pandangan ulama) dalam penghasilan kitab ini menjadikan *Sayr al-Salikin* adalah satu kitab yang unggul. 3) kitab ini masih dicetak sehingga kini untuk memenuhi keperluan masyarakat dalam mendalami ilmu agama. 4) *Sayr al-Salikin* dijadikan sebagai bahan pengajaran di Alam Melayu. 5) menjadi bahan rujukan utama dalam bidang tasawuf. 6) dijadikan sebagai platform bagi orang Melayu yang tidak memahami bahasa Arab untuk mempelajari kitab ini.

Oleh itu, kajian ini akan membincangkan lima perkara penting iaitu 1) judul *Sayr al-Salikin*, 2) kesahihan nisbah *Sayr al-Salikin* dengan shaykh 'Abd al-Samad al-Falimbani, 3) sejarah penulisan *Sayr al-Salikin*, 4) penjejakan manuskrip *Sayr al-Salikin* dan 5) percetakan *Sayr al-Salikin*.

JUDUL SAYR AL-SALIKIN

Al-Falimbani telah menggunakan judul dalam bahasa Arab iaitu “*Sayr al-Salikin ila ‘Ibadah Rabb al-‘Alamin*” bagi karya ini. Perletakan judul Arab adalah perkara biasa yang digunakan oleh ulama melayu silam. Hal ini berdasarkan kepada kebanyakan naskhah manuskrip Islam di Alam Melayu dalam pelbagai bidang ilmu diberi nama atau judul dengan menggunakan bahasa Arab sekalipun perbahasannya dalam bahasa Melayu (Salmah Ahmad & Ezad Azraai Jamsari, 2014: 295 & 299). Sebagaimana kitab jawi yang lain, pengarang meletakkan judul dalam bahasa Arab kemudian menyusun isi kandungan dalam bahasa Melayu untuk memberi kemudahan kepada masyarakat awam. (Mohammaddin Abdul Niri, 2016:199).

Dari segi nahu Arab, *Sayr al-Salikin* adalah gabungan dua patah perkataan Arab iaitu *Sayr* dan *al-Salikin*. *Sayr* adalah *masdar* daripada perkataan *sara-yasiru* (*al-Mu’jam al-Arabi al-Asasi*, 1989: 659). “*Al-Salikin*” pula adalah *lafaz jama’* daripada perkataan *salik* yang merupakan *isim al-fa’il*.

Dari segi maksud pula, perkataan “*Sayr*” bermaksud baik perjalanan dan suluk (*alMu’jam al-Arabi al-Asasi*, 1989: 659). Seterusnya, “*Al-Salikin*” mempunyai tiga maksud iaitu 1) yang berjalan, 2) bertingkah laku dan 3) masuk ke sesuatu tempat. Dalam konteks ini, “*AlSalikin*” bermaksud orang yang melalui/ menempuh sesuatu jalan. Oleh itu, maksud yang bersesuaian bagi “*Sayr al-Salikin*” adalah jalan bagi orang yang sedang menempuh perjalanan menuju kepada Allah SWT iaitu orang yang sedang berusaha melatih diri untuk menjadi hamba Allah SWT yang taat.

Berdasarkan perbahasan judul kitab, al-Falimbani tidak menterjemah judul *Sayr alSalikin* secara langsung ke dalam bahasa Melayu bahkan mengekalkan tajuk ini dalam konteks bahasa Arab. *Sayr al-Salikin ila ‘Ibadah Rabb al-‘Alamin* adalah satu judul yang unik yang telah diletakkan oleh al-Falimbani bagi karya ini. Selain itu, judul ini tidak pernah digunakan oleh mana-mana pengarang yang lain.

KESAHIHAN NISBAH SAYR AL-SALIKIN DENGAN AL-FALIMBANI

Sayr al-Salikin adalah sebuah karya al-Falimbani yang benar-benar dapat dipastikan. Kesahihan nisbah karya ini dengan al-Falimbani dapat dibuktikan melalui tiga catatan yang sedia terakam dalam karya ini iaitu 1) catatan luar yang terbahagi kepada dua iaitu catatan bahagian kulit luar kitab dan catatan bahagian halaman hadapan, 2) catatan dalam yang terbahagi kepada tiga iaitu catatan pengarang sendiri pada bahagian mukadimah, catatan pengarang sendiri pada bahagian isi dan catatan pengarang sendiri pada bahagian penutup dan 3) pengiktirafan para pengkaji sebagaimana berikut:

Perbahasan mengenai catatan luar terbahagi kepada dua iaitu: 1) Bahagian kulit luar kitab: “*Siyar al-Salikin (Tariqah Sadat Sufiyyah)* terjemahan daripada kitab *Lubab Ihya’ ‘Ulum al-Din* oleh Imam al-Ghazzali oleh Shaykh ‘Abd al-Samad al-Falimbani *al-juz’ 1-2; 3-4*”. 2) Bahagian halaman pertama bagi setiap bahagian: “Inilah kitab rubuk juz’ yang pertama, kedua, ketiga dan keempat (al-Falimbani t.th, 1) daripada kitab yang bernama *Siyar al-Salikin ...* oleh tuan yang sangat soleh lagi ‘alim al-‘Allamah al-Jami’ baina al-Zahir wa al-Batin al-‘Arif bi Allah Shaykh ‘Abd al-Samad al-Falimbani rahimah Allah Ta‘ala...”.

Perbahasan mengenai catatan dalam terbahagi kepada tiga iaitu 1) Bahagian mukadimah bagi setiap bahagian al-Falimbani (t.th: 2) berkata, “Adapun kemudian daripada itu maka lagi akan berkata fakir yang miskin yang berkehendak kepada rahmat Tuhan Sekalian Alam iaitu ‘Abd al-Samad al-Jawi al-Falimbani...’. 2) Bahagian isi iaitu pada bahagian ketiga *Sayr al-Salikin*, al-Falimbani (t.th: 13; 2010: 20) berkata, “....al-Faqir ilallah Ta’ala ‘Abd alSamad al-Jawi al-Falimbani penterjemah kitab yang berjudul *Sayr al-Salikin ila ‘Ibadah Rabb al-Alamin*”. 3) Bahagian penutup iaitu pada bahagian pertama, ketiga dan keempat al-Falimbani (t.th: 241, 208, 267) berkata, “... atas tangan yang menterjemah akan dia iaitu fakir ila Allah Ta’ala iaitu ‘Abd al-Samad al-Jawi al-Falimbani...”.

Perbahasan mengenai pengiktirafan para pengkaji pula dapat dilihat dalam kajian yang dilakukan oleh Wan Aminurrashid (2010), Shohana (2010, 2014 & 2019), Suhaila dan Mohd Sukki (2011), Ishak dan Khadher (2011), Mohd Fauzi Mohd Hasrul (2012), Nik Roskiman (2013), Jaka Ahmadi (2015), Norhayati (2015) dan Khalif Muammar (2015). Justeru, tidak diragukan lagi bahawa *Sayr al-Salikin* adalah salah sebuah karya al-Falimbani berdasarkan kenyataan yang dinyatakan oleh beliau sendiri. Oleh itu, tidak ada mana-mana pengkaji yang terkemudian menyanggah kenyataan ini kerana hal ini telah jelas dikemukakan oleh pengarang tanpa ada keraguan padanya.

SEJARAH PENULISAN SAYR AL-SALIKIN

Sayr al-Salikin disusun dalam empat bahagian. Bahagian pertama membincangkan tentang ilmu Usul al-Din (segala iktikad Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah) (al-Falimbani, t.th: 21). Bahagian dua membincangkan adat iaitu menyatakan hukum adab yang berlaku pada adat (al-Falimbani, t.th: 2). Bahagian tiga membincangkan tentang *muhlikat* iaitu mengenai segala yang akan membinasakan sekalian amal yang terdiri daripada maksiat zahir dan batin (al-Falimbani, t.th: 2). Akhir sekali, bahagian empat membincangkan tentang *munjiat* iaitu melepaskan daripada segala yang membinasakan akan amal iaitu ibadah batin (al-Falimbani, t.th: 3).

Penulisan bermula pada tahun 1193H/1779M dan selesai ditulis pada 1203H/1788M (al-Falimbani, t.th: 267). Penulisannya telah memakan masa selama sepuluh tahun (al-Falimbani, t.th: 3). *Sayr al-Salikin* dihasilkan setelah beliau mendapat ilham daripada Allah SWT untuk berbuat demikian (al-Falimbani, t.th: 3). Oleh itu, sejarah penulisan kitab ini menyentuh tiga elemen utama iaitu 1) tarikh selesai penulisan. 2) tempat penulisan dihasilkan. 3) tempoh masa penulisan. Oleh itu, al-Falimbani berkata pada bahagian penutup setiap bahagian sebagaimana berikut:

Jadual 1: Penulisan kitab *Sayr al-Salikin*

BAHAGIAN	HARI/TARIKH//TAHUN	TEMPAT	TEMPOH MASA
Bahagian pertama	1194H/ 1780M	Mekah.	1 tahun
Bahagian kedua	Sabtu, 19 Ramadan, 1195H/1781M	Ta’if	1 tahun

Bahagian ketiga	Khamis, 19 safar, 1197H/ 1783M	Mekah	2 tahun
Bahagian keempat	Malam Ahad, 20 Ramadan 1203H/1788M	Ta'if	6 tahun
Jumlah			10 tahun

Berdasarkan Jadual 1, tarikh penghasilan kitab *Sayr al-Salikin* bagi bahagian pertama tidak dinyatakan hari dan tarikh yang khusus bagi menandakan kitab tersebut selesai dikarang akan tetapi beliau hanya menyatakan tahun selesainya sahaja berbeza dengan ketiga-tiga bahagian yang lain (bahagian 2,3 dan 4) dinyatakan secara lengkap dan jelas hari, tarikh dan tahun penulisan tersebut selesai dilakukan. Penulis beranggapan al-Falimbani tidak memberi perhatian yang khusus pada penulisan bahagian pertama bahkan memberi penekanan yang teliti pada bahagian seterusnya. Walaupun begitu, keadaan ini tidak mendorong sebarang kecacatan pada penulisan *Sayr al-Salikin* cuma hanya tidak selaras dari sudut susunan bagi tarikh penulisan tersebut.

Bagi tempat penghasilan kitab *Sayr al-Salikin* jelas menunjukkan al-Falimbani melakukannya di dua tempat berbeza iaitu di Mekah dan Ta'if yang terletak di Arab Saudi. Penulis beranggapan kemungkinan beliau berulang alik dari Mekah ke Ta'if bagi menyiapkan *Sayr al-Salikin* Seterusnya, bagi tempoh penulisan *Sayr al-Salikin* pula telah memakan masa selama sepuluh tahun dan ia merupakan satu tempoh yang agak lama. Berdasarkan kepada keseluruhan bahagian *Sayr al-Salikin*, tempoh yang paling lama untuk beliau menyiapkan kitab tersebut adalah pada bahagian keempat. Setelah selesainya penulisan bahagian keempat maka, lengkaplah sebuah kitab yang berjudul “*Sayr al-Salikin ila 'Ibadah Rabb al-'Alamin*”.

Al-Falimbani merupakan seorang yang cukup teliti, cekal, tekun dan gigih dalam penghasilan karya terutama kitab *Sayr al-Salikin* yang memakan masa selama sepuluh tahun dan bertempat di dua buah negeri yang berbeza iaitu Mekah dan Taif. Hasil ketekunan dan usaha gigih beliau dalam penulisan telah memberikan sumbangan yang besar dalam perkembangan ilmu kerana kitab tersebut masih terus dipelajari sehingga kini.

PENJEJAKAN MANUSKRIP SAYR AL-SALIKIN

Sehingga ke hari ini, masih terdapat pelbagai jenis koleksi manuskrip Melayu yang disimpan, dijaga dan dipelihara di pelbagai pusat, repositori dan perpustakaan di seluruh dunia. Koleksi manuskrip tersebut bukan sahaja berada di Alam Melayu bahkan turut disimpan dan dipelihara di beberapa perpustakaan di seluruh dunia (Mohammed Hussain Ahmad, 2019: 352). Oleh itu, kajian ini hanya akan menfokuskan kepada manuskrip *Sayr al-Salikin* yang terdapat di Malaysia.

Penjagaan dan pengumpulan naskhah manuskrip Melayu khususnya di Malaysia telah dilakukan oleh beberapa institusi dan jabatan kerajaan yang berkenaan antaranya Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Negeri Kedah, Arkib Negara, Dewan Bahasa dan Pustaka, Pusat Islam JAKIM (Zakaria Mustaffa & Abdul Syukur Mohd. Ali, 2012:2), Muzium Budaya Melayu Melaka, Muzium Diraja Abu Bakar, Muzium Kelantan, Muzium Terengganu, Muzium Negeri Perlis, Muzium Sarawak dan beberapa perpustakaan universiti yang terlibat seperti Universiti Malaya, Universiti

Kebangsaan Malaysia, Universiti Sultan Zainal Abidin dan juga koleksi individu (Asmak, Fatimah & Che Zaharah, 2013: 229).

Setakat kajian ini dilakukan, hasil penjejakan manuskrip *Sayr al-Salikin* yang berjaya ditemui di dua lokasi yang terletak di Kuala Lumpur, Malaysia iaitu 1) Muzium Kesenian Islam Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia dan 2) Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur sebagaimana Rajah 1 di bawah.

Rajah 1: Lokasi penjejakan manuskrip *Sayr al-Salikin*



Sumber: Muzium Kesenian Islam Malaysia



Sumber: Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia

Jumlah keseluruhan manuskrip *Sayr al-Salikin* yang berjaya ditemui adalah sebanyak 49 buah naskhah sastera kitab Malaysia yang kesemuanya bertajuk “*Sayr al-Salikin ila ‘Ibadah Rabb al-‘Alamin*”. Satu daripadanya ditemui di Muzium Kesenian Islam Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia no salinan IAMM 1998.1.212 (b) (IAMM, 2010: 11). Selebihnya 48 buah naskhah sastera kitab ditemui di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia antaranya ialah MS 256, MS 324, MS 560, MS 691, MS 1043, MS 1389, MS 1469, MSS 1590, MSS 1639, MSS 2035, MSS 2069, MSS 2092, MSS 2093, MSS 2399, MSS 2472, MSS 2473, MSS 2507 (A), MSS 2513, MSS 2522, MSS 2665, MSS 2675, MSS 2792, MSS 2856 (2), MSS 2974, MSS 2993, MSS 3216, MSS 3248 (B), MSS 3432, MSS 3638, MSS 3762, MSS 3809, MSS 3834, MSS 3835, MSS 3951, MSS 4150, MSS

4223, MSS 4339, MSS 4362, MSS 4406, MSS 4509, MSS 4557, MSS 4613, MSS 4630, MSS 4638, MSS 4650, MSS 4712, MSS 4826 dan MSS 4842.

Justeru, kajian ini hanya memberi fokus terhadap manuskrip *Sayr al-Salikin* yang terdapat di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia sahaja memandangkan jumlah manuskrip *Sayr al-Salikin* adalah yang paling banyak tersimpan di sana. Menurut Mohd Anuar Mamat (2017: 69), Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu merupakan satu institusi khas yang menjaga dan memelihara khazanah Manuskrip Melayu yang berada di Aras Sebelas, Menara PNM, Perpustakaan Negara Malaysia. Antara fungsi Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu adalah 1) untuk mengesan, memperoleh dan membina koleksi manuskrip Melayu dalam apa jua bentuk dari dalam dan luar negara, 2) mendokumentasi, menyelenggara katalog induk dan menerbitkan bibliografi, 3) menyediakan kemudahan menyimpan, memelihara dan memulihara manuskrip Melayu, 4) Menyediakan kemudahan penyelidikan manuskrip Melayu, 5) menyebarkan pengetahuan yang terdapat dalam manuskrip Melayu melalui penyelidikan, penerbitan dan lain-lain promosi (Perpustakaan Negara Malaysia, 2012).

Berdasarkan kepada carian katalog yang terdapat di Perpustakaan Negara Malaysia, ia boleh dibahagikan kepada enam katagori iaitu 1. Katalog ringkas Manuskrip Melayu (*Handlists of Malay Manuscripts*), 2. Katalog Deskriptif Manuskrip Melayu (*Descriptive Catalogues of Malay Manuscripts*), 3. Katalog Manuskrip Melayu dalam Microform, 4. Katalog Manuskrip Melayu yang dimiliki di Luar Negara, 5. Katalog induk Manuskrip Melayu dan 6. Katalog Pameran (Muhammad Mustaqim, 2016: 6-8). Oleh itu, katalog yang digunakan untuk menjejaki manuskrip *Sayr al-Salikin* adalah yang melibatkan dua katagori iaitu 1. Katalog ringkas Manuskrip Melayu (*Handlists of Malay Manuscripts*) terdiri daripada lima siri dan 2. Katalog deskriptif Manuskrip Melayu (*Descriptive Catalogues of Malay Manuscripts*) terdiri daripada sebelas siri.

Rajah 2: Koleksi Katalog di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia.



Sumber: Katalog Tulisan Tangan Manuskrip Melayu 2.2 Katalog Huraian Manuskrip Melayu (*Handlists of Malay Manuscripts*). (*Descriptive Catalogues of Malay Manuscripts*).

Pertama, Katalog Tulisan Tangan Manuskrip Melayu (*Handlists of Malay Manuscripts*). Katalog ringkas ini hanya memberikan maklumat secara ringkas antaranya seperti No. Manuskrip, judul kitab dan nama pengarang bagi membolehkan penjejak manuskrip dilakukan. Kedua, Katalog deskriptif Manuskrip Melayu (*Descriptive Catalogues of Malay Manuscripts*). Kandungan bagi katalog jenis deskriptif lebih terperinci berbanding katalog ringkas sebelumnya kerana ia mengandungi No. Manuskrip, judul, nama pengarang/penyalin dan tarikh dikenalpasti/dikarang/disalin, jumlah halaman, ukuran dan baris, kertas, tera air, dakwat, tulisan, jilidan, sejarah, kolofon, ringkasan dan status sama ada lengkap atau tidak lengkap.


Jadual 2: Koleksi Katalog dari tahun 1987-2018 di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu

Katagori	Tahun	Katalog	Jumlah Naskhah
Katalog Ringkas Manuskrip Melayu (<i>Handlists of Malay Manuscripts</i>)	1987	Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas.	2
	1990	Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas Tambahan Pertama.	2
	1993	Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas Tambahan Kedua.	3
	1997	Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas Tambahan Ketiga.	2
	1999	Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas Tambahan Keempat.	4
Katalog Deskriptif Manuskrip Melayu (<i>Descriptive Catalogues of Malay Manuscripts</i>)	2000	Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia	1
	2001	Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Pertama.	5
	2002	Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Kedua.	4
	2003	Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Ketiga.	2
	2006	Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Keempat.	3
	2008	Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Kelima.	5
	2011	Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Keenam.	2
	2012	Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Ketujuh.	3
	2015	Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Kelapan.	3
	2016	Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Kesembilan.	5
	2018	Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Kesepuluh.	2

Berdasarkan Jadual 2 menunjukkan dua katagori katalog yang diakses di Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia bagi menjelaki naskhah *Sayr al-Salikin*. Antara, katalog yang diakses ialah 1) Katalog Ringkas Manuskrip Melayu sebanyak lima siri iaitu pada tahun 1987-1999. Jumlah manuskrip *Sayr al-Salikin* bagi katogori ini adalah sebanyak 13 buah

naskhah. 2) Katalog Deskriptif Manuskrip Melayu pula mempunyai 11 siri katalog bermula pada tahun 2000 sehingga 2018. Jumlah naskhah *Sayr al-Salikin* bagi katagori ini adalah sebanyak 35 buah. Oleh itu, setakat kajian ini dilakukan, jumlah keseluruhan katalog yang dirujuk adalah sebanyak 16 buah katalog dan manuskrip *Sayr al-Salikin* yang berjaya dijejaki adalah sebanyak 48 buah naskhah. Dapatan ini menunjukkan bahawa Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur adalah antara manuskrip Melayu yang memiliki jumlah naskhah manuskrip *Sayr al-Salikin* terbesar berbanding repositori lain. Oleh itu, penjejakan manuskrip *Sayr al-Salikin* pada tahun 1987 hingga 2018 dapat dilihat pada Graf 1 sebagaimana berikut:


Graf 1: Antara senarai nombor manuskrip dari tahun 1987-2018



Berdasarkan kepada Graf 1, dapatan dan carian manuskrip *Sayr al-Salikin* menunjukkan kepada satu jumlah yang sangat besar. Antara jumlah yang paling sedikit adalah sebanyak sebuah pada tahun 2000 dan yang paling banyak adalah sebanyak enam buah pada 2016.

Seterusnya, bagi status manuskrip *Sayr al-Salikin* pula dapat diklasifikasikan kepada dua iaitu 1) lengkap dan 2) tidak lengkap. Oleh itu, naskhah kitab *Sayr al-Salikin* yang lengkap adalah sebanyak sembilan naskhah iaitu MSS 2473, MSS 2665, MS 324, MS 1043, MSS 2035, MSS 2069, MSS 2472, MSS 4150 dan MSS 4339. Selebihnya 39 naskhah kitab *Sayr al-Salikin* adalah berstatus tidak lengkap antaranya adalah MS 256, MS 691, MS 1389, MSS 2522, MSS 2856 (B), MSS 3248 (B), MSS 3809, MSS 1639, MSS 2974, MSS 3216, MSS 4223, MSS 4557, MSS 4638, MSS 4842, MS 560, MSS 2399, MSS 2507 (A), MSS 2513, MSS 2792, MSS 3638, MSS 3762, MSS 3835, MSS 4362, MSS 1469, MSS 1590, MSS 2092, MSS 2093, MSS 2675, MSS 2993, MSS 3432, MSS 3834, MSS 3951, MSS 4406, MSS 4509, MSS 4613, MSS 4630, MSS 4650, MSS 4712 (A) dan MSS 4826.

Graf 2 : Status Manuskrip *Sayr al-Salikin* bagi setiap bahagian



Berdasarkan kepada Graf 2 diatas, terdapat sembilan sahaja yang lengkap selebihnya 39 lagi tidak lengkap. Bahagian manuskrip yang berstatus lengkap hanya dijumpai pada bahagian

pertama dan bahagian ketiga sahaja. Bahagian kedua dan keempat tidak mempunyai salinan yang lengkap.

Penulis menyimpulkan salinan *Sayr al-Salikin* yang tidak lengkap berdasarkan kepada tiga sebab iaitu 1) kandungan teks yang sudah hilang/rosak dan tidak dapat dibaca sebagai contoh dapat dilihat pada salinan manuskrip MSS 3216, MSS 3762. 2) bab tidak lengkap sebagai contoh yang dapat dilihat pada salinan manuskrip MS 560 dan MSS 2399 . Pada salinan MS 560 tidak dinyatakan keseluruhan bab akan tetapi hanya menyatakan bab tiga hingga bab enam sahaja daripada sepuluh bab. Begitu juga pada salinan MSS 2399 hanya menyatakan bab pertama hingga sembilan sahaja sahaja daripada sepuluh bab. 3) helaian teks tercicir atau hilang sebagai contoh dapat dilihat pada manuskrip MSS 3638, MSS 4362 dan MSS 3248 (B).

Rajah 3: Contoh Manuskrip yang tidak lengkap seperti MSS 3762, MSS 3951, MSS 4362 dan MSS 4509



MSS 3762

MSS 3951

MSS 4362

MSS 4509

Berdasarkan Rajah 3, menunjukkan kepada naskhah salinan *Sayr al-Salikin* yang tidak lengkap. Setakat kajian ini dilakukan, mendapati beberapa naskhah *Sayr al-Salikin* yang tidak dapat dibaca dengan baik akibat daripada kerosakan terhadap manuskrip yang tidak dapat dielakkan. Walaupun begitu, bukan keseluruhan naskhah yang rosak hanya sebahagian sahaja yang tidak dapat dibaca dengan baik. Sungguhpun begitu, penulis sangat memuji usaha yang dilakukan pihak Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu dalam memastikan naskhah manuskrip ini terus dipelihara bagi membolehkan kajian terhadapnya dilakukan oleh pengkaji terkemudian.

PERCETAKAN SAYR AL-SALIKIN

Semenjak mesin cetak mula diperkenalkan pada abad ke-19, penerbitan atau percetakan kitab Jawi semakin meningat di Alam Melayu (Mohd. Hisyam, Mikdar & Syed Muhammad Dawilah, 2012: 70; Abdul Mu'iz & Taj Rijal, 2020: 15). Hasil daripada perkembangan teknologi, maka kitab-kitab yang bertulisan tangan dicetak dan keadaan ini memudahkan penyebaran ilmu keseluruh dunia. Hal yang sama turut berlaku dalam percetakan *Sayr al-Salikin*.

Sayr al-Salikin juga telah melalui beberapa penerbitan atau percetakan. *Sayr al-Salikin* telah dicetak di sembilan buah negara iaitu di Mekah, Mesir, Indonesia, Singapura, Malaysia (Azyumardi Azra, 1994: 271), Turki, Thailand, India dan Lubnan (Khalif Muammar, 2015: 98). Setakat kajian ini dilakukan, terdapat 16 percetakan *Sayr al-Salikin* iaitu cetakan di Mekah (dua) iaitu Matba'ah al-Miriyah al-Kai'nah (1306/1888) dan Matba'ah al-Taraqqi al-Majidiyyah al-Uthmaniyyah (1330/1911). Cetakan di Mesir (tiga) iaitu Matba'ah al-Amiriyyah (1309/1891),

Dar Ihya al-Kutub al-'Arabiyyah (1931), Matba'ah 'Isa Babi alHalabi (1953). Cetakan Indonesia (satu) iaitu Maktabah Imaratu'Llah. Cetakan Singapura (dua) iaitu Maktabah wa Matba'ah Sulaiman Mar'i dan Pustaka Nasional PTE LTD. Cetakan Malaysia (tiga) iaitu al-Maarif Sdn. Bhd, Al-Hidayah Publishers dan Khazanah Banjariah. Cetakan Istanbul, Turki (satu) iaitu Dar al-Saltanat al-Saniyyah. (1306/1888). Cetakan Thailand (dua) iaitu Maktabah dan Matba'ah Muhd al-Nuhdi wa Auladin dan Matba'ah Bin Halabi. Cetakan India tidak dinyatakan nama penerbit. Cetakan Lubnan (satu) iaitu Dar al-Fikr.

Penulisan *Sayr al-Salikin* asalnya dikarang dalam tulisan jawi oleh al-Falimbani. Seiring dengan peredaran masa, ia telah ditulis dan dicetak dalam tulisan rumi oleh pengkaji terkemudian. Menurut Mohammed Hussain Ahmad (2017: 242), lebih banyak edisi terkini (rumi) diterbitkan di Indonesia, Singapura, Thailand dan Malaysia diedarkan secara meluas dan boleh di dapat di kedai buku. Tambahan pula, kini karya *Sayr al-Salikin* diterbitkan secara meluas dalam edisi rumi untuk menarik minat pembaca terutama mereka yang tidak mampu membaca tulisan jawi.

Justeru, kajian ini hanya menfokuskan mengenai percetakan yang dicetak di Malaysia yang melibatkan tiga penerbit iaitu 1) al-Maarif Sdn. Bhd, 2) al-Hidayah Publisher dan 3) Khazanah Banjariah & Pustaka Darussalam. gambarannya dapat dilihat pada rajah dibawah:

Rajah 4: Percetakan Terkini *Sayr al-Salikin* di Malaysia: Percetakan al-Maarif Sdn. Bhd.



Pertama, cetakan al-Maarif Sdn. Bhd yang bertempat di Pulau Pinang adalah cetakan dalam versi jawi. Cetakan ini merupakan cetakan yang diulang cetak berdasarkan cetakan Matba'ah bin Halabi. Ia terdiri daripada dua buah kitab yang setiap satunya mengandungi dua bahagian. Kitab pertama mengandungi bahagian pertama dan kedua. Manakala kitab kedua mengandungi bahagian ketiga dan bahagian keempat. Seterusnya, di dalam cetakan ini juga mengandungi *hamis* iaitu kitab "al-Jauhar al-Mauhub wa Munabbihat al-Qulub" oleh al-'Alim al-Alamah al-Shaykh Ali bin 'Abd al-Rahman al-Kelantani

Rajah 5: Percetakan Terkini *Sayr al-Salikin* yang dicetak Malaysia: Percetakan al-Hidayah Publisher




Kedua, cetakan al-Hidayah Publisher dicetak oleh Percetakan Zafar Sdn. Bhd di Kuala Lumpur dalam versi rumi sebanyak empat jilid. Ia telah disalin oleh Akmal alFandahani ibn Shaikh Muhammad Zain al-Khalidi al-Hajj dengan menggunakan bahasa Melayu moden dan telah membuat penambahan pada kitab tersebut. Bahagian pertama dicetak pada 2003 dan diulang cetak pada 2016. Bahagian kedua dan ketiga dicetak pada 2004 dan bahagian keempat dicetak pada 2006.

Rajah 6: Percetakan Terkini *Sayr al-Salikin* yang dicetak Malaysia: Penerbit Khazanah Banjariah &Pustaka Darussalam (Versi Jawi dan Rumi)



6.1 versi jawi



6.2 versi rumi

Ketiga, cetakan Khazanah Banjariah yang dicetak di Kedah dalam dua versi (jawi dan rumi) dalam empat bahagian. Ia telah ditakhik oleh Ahmad Fahmi bin Zamzam dengan mengekalkan kaedah penulisan yang sama dengan cetakan Matba'ah bin Halabi. Bagi versi jawi bahagian pertama telah dicetak pada 2001 dan diulang cetak pada 2019. Bahagian kedua pada 2002. Bahagian ketiga dicetak pada 2002 dan diulang cetak pada 2012. Bahagian keempat dicetak pada 2002. Seterusnya versi rumi diulang cetak pada 2005 dan cetakan kelima pada 2014. Bahagian kedua diulang cetak 2006 dan diulang cetak sehingga cetakan keempat pada 2014. Bahagian ketiga diulang cetak pada 2008. Akhir sekali, bahagian keempat diulang cetak sehingga cetakan ketiga pada 2014.

Seterusnya, dua cetakan rumi dari dua penerbit iaitu al-Hidayah Publisher dan Khazanah Banjariah mempunyai persamaan dan perbezaan dari sudut corak penulisan. Masing-masing mempunyai keistimewaan tersendiri. Antara persamaan bagi kedua terbitan ini dapat dilihat dari empat sudut iaitu 1) ditulis dalam tulisan rumi, 2) meletakkan baris bagi teks Arab. 3) mendatangkan surah dan no surah bagi setiap ayat al-Quran dan 4) mentakhrijkan hadis bagi setiap hadis yang dinyatakan dalam *Sayr al-Salikin*. Walaupun mempunyai persamaan dengan mendatangkan sumber bagi al-Quran dan hadis akan tetapi cara dan corak penulisan adalah berbeza antara satu sama lain. Perbezaannya dapat dilihat sebagaimana berikut:

Jadual 3: Perbezaan Corak Penulisan antara Terbitan Al-Hidayah Publisher dengan Khazanah Banjariah & Pustaka Darussalam

PERKARA	AL-HIDAYAH PUBLISHERS	KHAZANAH BANJARIAH & PUSTAKA DARUSSALAM
Sumber al-QuranDinyatakan di bahagian nota kaki dan hadis		Dinyatakan sumber secara langsung bagi setiap ayat al-Quran dan hadis berkenaan.

Isi kandungan	Diletakkan di bahagian hadapan sebelum bab pertama bagi setiap penutup kitab <i>Sayr al-Salikin</i> dengan bahagian kitab dan dirangka bab mengekalkan turutan dan gaya dengan lebih sistematik berdasarkan penulisan tajuk berdasarkan cetakan penulisan buku terkini tanpa terikat jawi . dengan gaya penulisan jawi lama.
Isi teks	Tidak terikat dengan cara penulisan Masih mengekalkan struktur kitab <i>Sayr al-Salikin</i> akan tetapi persembahan yang terikat dengan gaya diolah dengan bahasa Melayu moden penulisan jawi lama. Hal ini mungkin dan ditambah penerangan (tanpa untuk memastikan ketulusan makna menjelaskan teks) bagi istilah seperti yang dimaksudkan oleh tertentu yang sukar difahami supaya pengarang. Kemungkinan hanya diahli dapat memberi kefahaman yang jelas tulisan sahaja dari tulisan jawi kepada pembaca. tulisan rumi.

Berdasarkan kepada Jadual 3, cetakan terkini versi rumi mempunyai kelebihan yang tersendiri dalam menarik golongan masyarakat untuk mempelajari kitab ini. Walaupun cetakan versi terkini (rumi) lebih tersusun, ditakhrij dan ditakhkik akan tetapi sumbangan versi jawi dalam memartabatkan kitab agama tidak dapat disangkal. Hal ini kerana, penyebaran ilmu adalah bermula daripada tulisan jawi yang seterusnya dikembangkan dan diterbitkan dalam tulisan rumi.

Justeru, setakat kajian ini dilakukan didapati bahawa keseluruhan percetakan *Sayr al-Salikin* melibatkan sembilan buah negara dan 13 penerbit dalam versi jawi manakala empat buah negara dan tiga penerbit dalam versi rumi. Sehingga kini, kitab ini masih dicetak bagi memenuhi permintaan umat Islam di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Thailand dalam versi tulisan jawi maupun rumi. Keadaan ini menunjukkan bahawa *Sayr al-Salikin* masih diterima pakai sehingga kini serta merupakan satu medium yang berkesan dalam pembelajaran bagi individu Muslim. Seterusnya, telah memudahkan para pelajar serta masyarakat awam untuk membaca dan membuat rujukan padanya.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, jumlah manuskrip *Sayr al-Salikin* yang disimpan di Perpustakaan Negara Malaysia menunjukkan jumlah yang paling besar berbanding manuskrip yang tersimpan di repositori lain yang berada di Malaysia. Tindakan dan insiatif yang dilakukan oleh Perpustakaan Negara Malaysia dalam memelihara dan menjaga manuskrip adalah satu tindakan yang wajar dan seharusnya dipuji. Hal ini kerana, sekiranya manuskrip ini tidak dijaga dengan baik maka, sudah semestinya kajian terhadap manuskrip sukar dilakukan dan mungkin tidak dapat dilakukan oleh penyelidik pada masa kini dan akan datang. Sehubungan dengan tindakan yang dilakukan, ia membolehkan para pengkaji menjelaki dan memudahkan penyelidik untuk mengkaji dan meneliti hasil karya ulama terdahulu. Begitu juga sekiranya tidak wujudnya mesin percetakan maka sudah semestinya kitab-kitab agama tidak dapat dicetak dan diterbitkan serta mungkin agak sukar untuk disebarluaskan dan diajarkan kepada masyarakat. Oleh itu, kemudahan yang ada pada hari ini merupakan satu nikmat yang besar kepada seluruh anggota

masyarakat dan ia merupakan satu perkembangan ilmu yang patut dihargai. *Sayr al-Salikin* telah melalui berbagai proses sehingga dibukukan dan dicetak. Kemajuan teknologi telah membantu dalam menghasilkan kitab yang bermutu tinggi. Tambahan pula, sambutan yang menggalakkan daripada para pembaca menyebabkan *Sayr al-Salikin* diulang cetak berkali-kali bagi memenuhi permintaan masyarakat. Kitab *Sayr al-Salikin* bukan sahaja dicetak dalam tulisan jawi bahkan turut dicetak dalam tulisan rumi. Cetakan terkini dalam tulisan rumi dengan penambahan huraian yang lebih terperinci serta bahasa yang lebih moden telah membantu banyak pihak dalam memahami ilmu agama. Seterusnya, cadangan bagi lanjutan kajian ini diharapkan pengkaji akan datang boleh membuat penelitian yang khusus dan terperinci terhadap kajian manuskrip *Sayr al-Salikin* yang terdapat di luar negara khususnya di Universiti Leiden, Belanda, Perpustakaan Nasional (Pusat Muzium), Jakarta di Indonesia, Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Brunei Darussalam dan Muzium Kesenian Islam Malaysia, Kuala Lumpur. Hal ini, dapat memberikan gambaran tentang keadaan manuskrip tersebut dari segi penjagaan dan status manuskrip tersebut sama ada lengkap ataupun tidak. Bagi percetakan pula, diharapkan pengkaji akan datang dapat memberi gambaran dan menghuraikan secara terperinci mengenai satu-persatu cetakan terkini *Sayr al-Salikin* yang berada dalam pasaran.

RUJUKAN

- Abdul Mu'iz Ahmad & Taj Rijal Muhamad Romli (2020). Metode Terjemahan Teks Bab Solat dalam Kitab Bahrul Mazi. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 3(9): 14-23.
- Ahmad al-'Ayid et al (t.th). *Al-Mu'jam al- 'Arabi al-Asasi*, Tunisia: Larus.
- Ahmad Fahmi bin Zamzam (2005). *Sairus-Salikin Ila 'Ibadati Rabbi Al- 'Alamin* karangan Shaykh Abd al-Samad al-Falimbani. Kedah: Khazanah Banjariah.
- Ahmad Misbah Muhamad Hilmi, Luqman Abd. Mutalib & Muhamad Yusof Niteh (2016). Manuskrip Kehakiman Islam: Analisis Keupayaan dan Kearifan Melayu. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 3(3): 251-267.
- Akmal al-Fandahani Ibn Shaikh Muhammad Zain al-Khalidi al-Hajj (2016). *Sairus -Salikin Jalan Kemuliaan Ahli Sufi* Karya al-Shaikh Abd al-Shamad al-Jawi al-Falimbani. Kuala Lumpur, Malaysia: al-Hidayah Publishers.
- Al-Falimbani, Shaykh 'Abd al-Samad (t.th) *Sayr al-Salikin fi Thariqah al-Sadat al- Sufiyyah*. Pulau Pinang: Percetakan al-Maarif Sdn.Bhd.
- Asmak Ali, Fatimah Salleh & Che Zaharah Abdullah (2013). Penulisan Manuskrip Melayu Islam: Satu Tinjauan Awal. *Seminar Serantau Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tamadun*, 228-137.
- Awang Rosle Jumat (2019). "Pentahqiqan Manuskrip: Tinjauan Awal Terhadap ManuskripManuskrip BPIS". *Prosiding Seminar Majlis Ilmu 2019*, 293-325.
- Awang Sariyan (2019). "Sumbangan Manuskrip Melayu Lama Kepada Peradaban Bangsa: Catatan Berdasarkan Beberapa Teks", *Prosiding Seminar Majlis Ilmu 2019*, 217-248.
- Azyumardi Azra (1994). *Jaringan Ulama Timur tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVII: Melacak Akar-Akar Pembaruan Pemikiran Islam di Indonesia*. Bandung: Penerbit Mizan.

- Islamic Art Museum Malaysia (IAMM). (2010). *Handlist of Malay Manuscripts in the Islamic Art Museum Malaysia: JAKIM Collection: Volume 1.* Kuala Lumpur: IAMM Publications.
- Katalog Pameran (1990). *Manuskrip Melayu Kegemilangan Tamadun Melayu.* Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Khalif Muammar (2015). Faham Wahdat al-Wujud dan Martabat Tujut dalam Karya Shaykh 'Abd al-Samad al-Falimbani. *TAFHIM: Journal of Islam and the Contemporary World* 8, 97-131.
- Mahayudin Yahaya (2019). Sumbangan Islam terhadap Kemakmuran Masyarakat melalui Manuskrip Melayu-Jawi. *Prosiding Seminar Majlis Ilmu 2019*, 71-99.
- Martin Van Bruinessen (1990). Kitab Kuning: Books in Arabic Script Used In The Pesantren Milieu. *Bijdragen tot de Taal-, Land-en Volkenkunde* 146 (1990), no: 2/3, Leiden, 226-269.
- Martin Van Bruinessen (1995). *Kitab Kuning, Pesantren dan Tarekat: Tradisi-Tradisi Islam di Indonesia.* Bandung: Mizan.
- Mat Saad Abd Rahman (1983). *Panduan Tahqiq.* Bangi: Penerbit Ikatan Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Megawati Moris (2016). *Al-Ghazzali's Influence on Malay Thinkers: A Study of Shaykh 'Abd Al-Samad al-Palimbani.* Selangor: Islamic and Strategic Studies Institute Berhad.
- Mohammed Hussain Ahmad (2019). Menelusuri Sejarah Wakaf dan Sumbangan Sultan Muhammad Tajuddin: Kajian Manuskrip Wakaf Koleksi Pusat Sejarah. *Prosiding Seminar Majlis Ilmu 2019*, 351-381.
- Mohd Anuar Mamat (2017). Manuskrip Melayu dalam Bidang Pendidikan Islam: Suatu Kajian Awal di Perpustakaan Negara Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, Julai 2017. 15, 66-88.
- Mohd Fauzi Hamat& Mohd Hasrul Shuhari (2012). Pengaruh Pemikiran Akidah al-Ghazali dalam Kitab Jawi: Tinjauan Terhadap Kitab *al-Durr al-Nafis* dan *Sayr al-Salikin.* *Jurnal Usuluddin*, Julai- Disember 2012, 21-47.
- Mohd. Hisyam Abdul Rahim, Mikdar Rusdi & Syed Muhammad Dawilah al-Edrus (2012). Umm Al-Barahim and its Relation with Malay Jawi Books. *Journal of Techno Social*, 4(2): 67-73.
- Muhammad Mustaqim Mohd Zarif (2016). Malay Manuscript Cataloguing in Malaysia: Issues and Challenges. *Seminar Perpustakaan Islam Serantau Merekayasa Perkongsian Pintar ke Arah Perpustakaan Unggul*, 1-19.
- Perpustakaan Negara Malaysia (1987). *Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas.* Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia (1990). *Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas Tambahan Pertama.* Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia (1993). *Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas Tambahan Kedua.* Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

- Perpustakaan Negara Malaysia(1997). *Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas Tambahan Ketiga*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia (1999). *Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas Tambahan Keempat*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia (2000). *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia (2001). *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Pertama*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia (2002). *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Kedua*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia (2003). *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Ketiga*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia (2006). *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Keempat*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia (2008). *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Kelima*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia (2011). *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Keenam*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia (2012). *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Ketujuh*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia (2012). *The Legacy of Malay Manuscripts*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia (2014). *Dasar Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia (2015). *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Kelapan*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia (2016). *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Kesembilan*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia (2018). *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Kesepuluh*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Salmah Ahmad & Ezad Azraai Jamsari (2014). Keistimewaan Manuskrip Kitab Arab dan Manuskrip Islam Melayu. Dlm Islam dan Ketamadunan Melayu: Sumbangan ke Arah Kemajuan Sejagat. Kuala Lumpur: Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. 293-300.
- Salsabil Mohd Zain (2012). Israiliyat dalam Manuskrip Melayu: Kajian terhadap Hikayat Mukjizat Nabi. Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Siti Fathimah Abdul Halim (2014). Pusat Manuskrip Melayu: Sejarah dan Peranan dalam Pengurusan Manuskrip Melayu. Tesis Sarjana., Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Suhaila Abdullah & Mohd Sukki Othman (2011). Peranan dan Sumbangan Ulama' 'Tiga Serangkai' dalam perkembangan Islam dan Transformasi Sosial di Malaysia. Dlm

Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara.

Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 442-448.

Wan Ali Wan Mamat (2019). Managing and Preserving a Collection of Malay Islamic Manuscripts. *Prosiding Seminar Majlis Ilmu 2019*, 341-350.

Zakaria Mustaffa & Abdul Syukur Mohd. Ali (2012). Penyelidikan Manuskip Melayu Berunsurkan Keislaman. *Seminar Penyelidikan Jawi dan Manuskip Melayu*. 1-9.